

Saya tidak berbalah dengan Daim — Mahathir

UM 24 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan tidak wujud perbalahan di antaranya dengan Tun Daim Zainuddin seperti yang digembar-gemburkan sebagai punca Menteri Kewangan itu melepaskan jawatan.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa keputusan sedemikian bukan pertama kali dibuat oleh Daim tetapi pernah dilakukan sebelum ini, apabila merasakan telah melaksanakan apa yang perlu untuk kerajaan.

“Sebenarnya penjelasan mengenai langkah Daim itu sangat mudah. Tidak ada misteri dalam keputusan beliau itu. Tidak ada perbalahan di antara saya dengannya. Tak ada langsung,” kata Presiden UMNO itu pada sidang akhbar selepas selesai Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan wartawan asing mengenai spekulasi peletakan jawatan

Daim sebagai Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas.

Ditanya kemungkinan akan ada rombakan kabinet ekoran peletakan Daim itu, Perdana Menteri berkata, ia tidak perlu dilakukan.

“Kenapa perlu ada rombakan kabinet sedangkan saya boleh melantik sesiapa sahaja mengisi jawatan itu. Tidak semestinya kekosongan itu diisi oleh menteri yang ada,” katanya.